

700,000 ahli koperasi terjejas

SINAR 30/7/2018 MS 20

Kena tempias trend
kejatuhan harga
sawit

AIMAN SADIQ ABDULLAH

BENTONG

Trend kejatuhan harga kelapa sawit memberi implikasi menyeluruh yang turut memberikan kesan yang teruk kepada ahli-ahli koperasi dan juga sektor koperasi negara.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, kejatuhan harga komoditi itu memberikan kesan kepada kira-kira 700,000 ahli koperasi termasuk 650,000 pekebun kecil kelapa sawit.

Menurutnya, kenaikan harga baja dan racun dipercayai akibat kejatuhan mata wang negara juga memburukkan lagi keadaan pekebun kecil kelapa sawit dalam masa harga komoditi itu terus jatuh.

"Kejatuhan harga sawit ini menjejaskan 650,000 ahli koperasi



Abdul Fattah (tujuh, kanan) bergambar bersama sebahagian pemenang dan peserta kejohanan kejohanan Petanque Angkasa Peringkat Negeri di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Bentong, semalam.

yang mempunyai kebun kecil sawit dan kira-kira 50,000 ahli koperasi yang menjadi ahli dalam koperasi berkaitan sawit.

"Ia menyebabkan pendapatan pekebun kecil berkurang dan memberikan kesan kepada perolehan koperasi berkaitan kelapa sawit yang akhirnya akan mengurangkan dividen diterima ahli," katanya pada sidang media pada Kejohanan Petanque Angkasa Peringkat Negeri 2018 di

Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Bentong di sini, semalam.

Pada majlis itu Angkasa Zon 2 dinobatkan juara keseluruhan selepas wakil mereka dari Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Mengkarak Berhad memenangi kategori koperasi dewasa lelaki dan Koperasi SMK Jengka Pusat memenangi kategori sekolah lelaki.

Trend kejatuhan harga kelapa sawit pada masa ini menimbulkan

keresahan dalam kalangan masyarakat tanah rancangan Felda dan juga pekebun kecil apabila ada antara mereka dilaporkan hanya memperoleh pendapatan sebanyak RM280 sebulan.

Justeru itu, Abdul Fattah mencadangkan tindakan segera seperti mewujudkan mekanisme jaminan harga (GMP) bagi memastikan pekebun kecil getah tidak terus terbeban.

Pendapatan pekebun kecil berkurang dan beri kesan kepada perolehan koperasi berkaitan kelapa sawit yang akhirnya akan mengurangkan jumlah dividen diterima ahli."

- Abdul Fattah

Sementara itu, beliau berharap pasaran sawit di negara ini dapat diperluaskan lagi dan tidak terhad kepada pasaran tertentu seperti negara China sahaja.

"Melalui mekanisme harga lantai ini mungkin kerajaan boleh menampung dengan memberi subsidi sekiranya harga kelapa sawit mencecah paras minimum yang memberi bebanan teruk kepada pengusaha kelapa sawit," katanya.

Tambahnya, pihak Angkasa akan sentiasa membantu termasuklah dalam usaha melebarkan pasaran sawit ke luar negara melalui rangkaian koperasi.